

Newspaper	Berita Harian
Date	19/11/2012

Tak sehaluan pilih pemimpin, hudud pula ikut musim

BH - 19/11/2012

Pelaksanaan hukum hudud dan Datuk Seri Abdul Hadi Awang sebagai Perdana Menteri sekiranya pakatan berjaya menguasai Putrajaya adalah mesej jelas disampaikan PAS kepada rakan sekutunya DAP dan PKR pada Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-58 yang berakhir semalam.

Muktamar tahunan yang terakhir sebelum pengundian raya dipalu itu sepatutnya menjadi medan terbaik untuk PAS merangka strategi parti bagi menghadapi Barisan Nasional (BN), namun ia lebih berfungsi sebagai medan untuk menyerang UMNO-BN.

Belum pun menguasai Putrajaya, PAS sudah berangan-angan untuk menduduki kerusi Perdana Menteri. Perkaranya itu dibangkitkan perwakilan Dewan Ulama dan juga Dewan Muslimat yang mahukan Hadi diangkat sebagai pemimpin tertinggi negara.

Bertentangan prinsip DAP

Ia barang kali bertentangan dengan prinsip DAP yang secara jelas mahukan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerajui negara seandainya Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) menjadi milik mereka.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang pada Himpunan Kebangkitan Rakyat yang diadakan di Stadium Sultan Muhammad Ke-IV Jumaat lalu mengumumkan Anwar sebagai pilihan mereka dan juga pakatan itu di depan puluhan ribu penyokong pembangkang.

Walaupun Hadi yang juga Presiden PAS berpendapat soal siapa bakal Perdana Menteri pakatan belum dimuktamadkan, isyarat jelas dihantar DAP bahawa mereka menolak pemimpin parti itu menerajui negara serta menolak kepemimpinan Islam.

Polemik hukum hudud

Polemik berkenaan isu hukum hudud masih belum mencapai noktahnya.

Ketika DAP mengulangi pendiriannya menolak pelaksanaan hukuman itu PAS pula masih berhempas pulas untuk mempertahankannya.

Jika sebelum ini PAS menyatakan akan hanya melaksanakan negara berkeadilan mengikut acuan *Buku Jingga*, namun kali

ini ia kembali mencanangkan pelaksanaan hukum hudud.

Polemik hukum hudud bagaikan 'demam panas' dan bermusim mengikut selera ahli dan pengundi PAS.

Mungkin PAS sedar sokongan pengundi Melayu masih belum memihak kepadanya dan hukum hudud terpaksa kembali ditiupkan untuk meraih sokongan pengundi walaupun ia tahu belum tentu mampu melaksanakannya.

Agenda negara berkeadilan juga mendapat perhatian muktamar kali ini, pertukaran agenda perjuangan parti itu membuatkan pimpinan Majlis Syura Ulama PAS terpaksa membuat kenyataan bahawa parti itu masih lagi di landasan asal perjuangan mereka.

Malah ramai juga di kalangan perwakilan membangkitkan isu berkenaan kerana mereka kurang faham dan bimbang perjuangan Islam yang didukung parti itu selama ini sudah tiada.

Nasharuddin jadi sasaran

Sepanjang muktamar berlangsung, bekas Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa turut menjadi

sasaran bukan saja perwakilan tetapi juga pimpinan tertinggi parti.

Walaupun tidak menyatakan nama beliau, kritikan itu jelas dihalakan terhadap Ahli Parlimen Bachok itu.

Soal tahaluf siasi yang dibangkitkan segelintir pemimpin PAS juga menarik minat perwakilan. PAS sekali lagi menegaskan hubungan mereka dengan DAP tidak bercanggah dengan Islam dan sebab itulah mereka sanggup mendoakan kehancuran UMNO.

Bagaimanapun secara keseluruhannya muktamar PAS kali ini tidak menampakkan kesediaan PAS untuk membentuk sebuah kerajaan bagi menerajui negara.

Malah, banyak isu yang membelit pakatan itu belum dapat diselesaikan sebaik mungkin.

Apa yang jelas perhimpunan secara besar-besaran, demonstrasi ataupun politik jalanan adalah cara terbaik untuk PAS menumbangkan UMNO.

Parti itu tidak menaruh keyakinan mampu menumbangkan BN melalui proses demokrasi sebenar iaitu pilihan raya.